

Peringatan: Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca.



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

-----*-----*-----

Yusuf bin Haji Arshad, Kampung Tengah, Tanjung Ipoh, Perak, dan harus juga orang lain, bertanya: Saya berniat hendak membuat aqiqah – dengan demikian, haraplah tuan terangkan hukumnya, syaratnya dan perkara-perkara yang berkenaan dengannya?

Jawab: Menurut keterangan yang sangat sah bahawa hukum aqiqah itu hanya sunat jua. Dalil: Umar ibn Al-As bahawa Rasulullah (SAW) telah pernah bersabda: Barangsiapa suka mengaqiqahkan anaknya maka kerjakanlah – (maksud Hadith hasan riwayat Ahmad, Abi Daud, An-Nasaai dan Manziri).

Rasulullah (SAW) bersabda (maksudnya): Berserta dengan anak lelaki itu ada aqiqahnya kerana itu sembelihlah kerananya. (Hadith sahih riwayat Bukhari, Ahmad Tirmizi dan lain-lainnya). Sabdanya lagi (maksudnya): Tiap-tiap anak lelaki tergadai dengan aqiqahnya. (Hadith sahih riwayat Tirmizi, Nasaai dan Ibn Majah).

Dengan keterangan-keterangan itu menunjukkan bahawa aqiqah itu ialah suatu sunat jua – tidak suatu perkara yang wajib dan banya sembelihan itu ada berbagai-bagai riwayat di antaranya ada menyambut bagi anak lelaki dua ekor kambing dan bagi anak perempuan satu kambing. Banyak Hadith yang menyatakan banyaknya kambing ini.

Adapun sunat aqiqah itu adalah pada hari yang ketujuh zahir anak-anak itu kerana ada riwayatnya begini (maksudnya): Aisyah berkata – Rasulullah (SAW) telah pernah mengaqiqahkan kerana Hassan dan Hussin pada hari ketujuhnya.... (Hadith sahih riwayat Ibn Hibban, Hakim dan Al-Baihaqi).

Suatu riwayat lagi maksudnya Samarah telah berkata – Rasulullah (SAW) telah bersabda: Tiap-tiap anak itu tertanggung dengan aqiqahnya yang disembelih untuknya pada hari ketujuhnya dan pada hari itu ia diberi nama dan dicukur rambut kepalanya.

Dengan tiga Hadith yang tersebut di atas yang pertama menunjukkan aqiqah itu sunat dan yang kedua bahawa menurut sunat Rasulullah bahawa aqiqah itu dilakukan pada hari yang ketujuhnya atau pada sesudahnya maka iaitu tidak secara sunat.

Ada dua Hadith lagi – satu riwayat Al-Baihaqi dan satu lagi riwayat Bazar Muhammad bin Abdul Malik dan beberapa orang lagi yang mengatakan bahawa aqiqah itu disembelih pada hari ketujuh, empat belas dan dua puluh satu dan satu riwayat lagi menyatakan bahawa Nabi pernah

mengaqiqahkan untuk dirinya sesudah menjadi Rasul – semuanya ini Hadith-Hadith lemah yang tidak boleh dipakai kerana sanad-sanad Hadithnya tidak bersih.

Imam Nawawi mengetakan bahawa Hadith itu bathil dan Al-Baihaqi pula mengatakan Hadith itu munkar.

Jadi dengan keterangan ini nyata bahawa sunat aqiqah itu pada hari yang ketujuh sesudah anak itu dizahirkan dan tidak ada keterangan yang sesudah umur tujuh hari itu sunat diaqiqahkan kerana menurut sunnah Nabi aqiqah itu dilakukan apabila anak itu berumur tujuh hari sebagaimana Hadith yang kedua dan yang ketiga di atas.

Dalam lingkungan kaum Muslimin sebenarnya telah tersiar bahawa anak yang mati yang sudah diaqiqahkan itu kelak di akhirat akan naik kambing yang diaqiqahkan baginya bagi menyambut kedua-dua ibu bapanya di Padang Mahsyar sambil membawa air segelas sedang keuda mereka itu sangat dahaga dan dengan iktikad sedemikian inilah ibu bapa itu mengadakan aqiqah untuk anaknya.

Ada pula iktikad sebahagian ulama begini. Kanak-kanak itu diaqiqahkan supaya boleh memberi syafaat kepada kedua ibu bapanya di akhirat kelak.

Kepercayaan-kepercayaan ini belum pernah ada keterangannya didapati sama ada daripada Al-Quran atau pun daripada Hadith yang sahih atau lemah atau tidak pula daripada sahabat Nabi. Perkara-perkara yang tidak ada keterangan sedemikian itu tidak mesti dibuat dan dijadikan kepercayaan untuk mengerjakan sesuatu. Tidak mesti kita mencari sebab-sebab sunat aqiqah itu dengan beberapa kepada balasan-balasan yang tidak tentu hujung pangkalnya.

-----*-----*-----

Syeikh Usman bin Muhammad Basalamah, 503 C, Lorong Melayu, Cengai Road Singapura bertanya: Saya bekerja dengan tentera sebagai seorang Piran – masa bekerja pukul tujuh pagi dan balik pada pukul tiga petang – masa makan pukul 1130 sehingga pukul 1200 pada hal masa zuhur lebih kurang pukul 1220. Dengan itu saya tidak dapat menyempurnakan sembahyang zuhur setiap hari dikesualikan hari Rabu, Sabtu dan Ahad – tiga kali seminggu. Sungguhpun saya berdaya upaya mencari jalan supaya dapat menyempurnakan jemaah dan zuhur itu tetapi hampa jua. Oleh yang demikian haraplah tuan beri fikiran tentang masalah ini?

Jawab: Pada pendapatan kita bahawa tuan akan sempat mengerjakan sembahyang zuhur sesudah habis masa bekerja itu iaitu pada pukul 3 petang sebab pada saat itu lazimnya masih ada zuhur lagi. Jika tuan suntuk masa untuk balik bersama-sama dengan kakitangan yang lain mintalah berhenti sekadar 10 minit sebelum masa itu kepada pegawai di sana kerana sepanjang yang ketahui – daripada badan kebajikan pekerja-pekerja tentara bahawa mereka itu meraikan permintaan-permintaan yang bersabit dengan agama.

Berkenaan dengan sembahyang Jumaat pihak tentera ada meluluskan kepada orang-orang tentera pada tiap-tiap Jumaat dengan diberi lori-lori dan sebagainya dan jika orang-orang tentera yang berdisiplin itu mendapat kelulusan sudah tentu tuan akan dapat yang demikian – terutamanya jika ada teman-teman tuan banyak – mintalah kelulusan daripada pegawai-pegawai yang tertinggi dan mengadakan permohonan bersama ataupun permohonan itu didatangkan menerusi jabatan kebajikan kakitangan-kakitangan tentera.

Inilah sahaja jalannya yang molek pada pendapatan kita

-----*-----*-----

Muhammad Bujing Siatang, Green Road, Kuching Sarawak, bertanya: Apa hukumnya orang makan turun tanah masa kematian, meniga hari, menujuh hari, empat puluh hari serta haul tiap-tiap tahun itu?

Jawab: Perkara ini telah banyak kali dijawab di dalam majalah ini. Tidak ada keterangan-keterangan daripada Al-Quran dan Al-Hadith dan juga keterangan-keterangan daripada sahabat tentang menjalankan kerja-kerja yang demikian itu. Dengan demikian maka apabila perbuatan-perbuatan itu diada-adakan dan diiktikadkan pula kerana menolong dan membantu ruh si mati maka yang demikian itu lebih-lebih salah lagi dan termasuk di dalam perbuatan yang bodoh. Tuhan berfirman (maksudnya) “dan sesungguhnya manusia itu tidak akan mendapat selain daripada apa yang diusahakannya sendiri.” Pekerjaan ini boleh disifatkan pekerjaan mubazir dan juga pekerjaan sesia dan bidaah.

-----*-----*-----

Muhammad Ishaq, Polis, Balik Pulau, Pinang bertanya: Bagaimanakah halnya orang-orang polis dan tentera yang memakai seluar pendek tiap-tiap hari itu – bagaimana hukumnya?

Jawab: Ulama-ulama telah sekata menentukan bahawa aurat lelaki itu yang sebaik-baiknya di antara lutut dan pusat. Tetapi keterangan-keterangan daripada Al-Quran dan Al-Hadith yang mewajibkan yang demikian itu tidak ada terutamanya pula bagi menafikan cacat dua Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Bukhari menyatakan yang akan disebutkan di bawah ini pun belum didapati iaitu (maksudnya) Anas telah berkata bahawasanya pada hari Perang Khaibar, Rasulullah (SAW) pernah membuka pahanya hingga aku lihat putih pahanya (Hadith sahih riwayat Ahmad dan Bukhari).

Satu riwayat lagi (maksudnya) Abu Darda' telah berkata: Saya pernah duduk sama Nabi (SAW) tiba-tiba datang Abu Bakar mengangkat kainnya hingga kelihatan lututnya. (Hadith sahih riwayat Ahmad dan Bukhari).

Selain daripada Hadith ini ada beberapa Hadith lemah dan sahih yang menunjukkan bahawa Nabi ada pernah membuka lututnya dan pahanya di hadapan

sahabat-sahabatnya.

Adapun pendapatan ulama-ulama yang menetapkan aurat di antara lutut dan pusat itu alasan yang diambilnya ialah (maksudnya) – jangan engkau nampakkan paha dan jangan engkau lihat paha orang hidup atau orang mati. (Hadith riwayat Ibnu Majah).

Satu lagi sabdanya: (Maksudnya) – Hai Muammar tutuplah kedua-dua paha kerana kedua-dua paha itu aurat. (Hadith riwayat Ahmad).

Ada lagi beberapa Hadith yang seumpama ini maknanya. Tetapi sepanjang pemerksaan ahli-ahlinya maka Hadith-Hadith yang menuruh tutup paha itu lemah.

Dengan itu maka pendapatan yang akhir ini untuk menentukan hujah-hujahnya hendaklah ada membawa keterangan yang tepat tentang menafikan dua Hadith sahih yang tersebut pada permulaan di atas ataupun mendatangkan Hadith-Hadith sahih tentang wajibnya menutup lutut itu sungguhpun begitu kita hanya mengatakan sebaik-baiknya menutup aurat itu ialah diantara pusat dan lutut – ini yang sebaik-baiknya – bukan hukumnya yang tetap oleh kerana ijmak ulama menghendaki yang sebaik-baiknya begitu.

-----*-----*-----

Syamsuddin Ahmad Sungai Taka, Serdang, Kedah, bertanya: Sebagaimana jawapan tuan di dalam majalah Qalam bilangan 16 atas pertanyaan daripada Armalan bin Haji Yunus, Sungai Coh, Rawang, Selangor – “tiada batal air sembahyang bersentuh di antara suami isteri”. Di atas mazhab manakah tuan berpegang, Syafiekah atau Hanafikah? – Tiada diterangkan di dalam jawapan tuan itu!

Jawab: Kita suka mendatangkan suatu pertanyaan atas pertanyaan ini - adakah yang bertanya itu memandang apabila satu mazhab mengatakan boleh dan satu mazhab mengatakan tidak boleh itu dijadikan perpegangan? Adakah pada pendapatan kita bahawa agama Allah itu tidak perpegangannya yang kuat daripada kitab Allah dan sunnah RasulNya? Pada hal ahli-ahli mazhab seperti Syafie, Hanafi dan seterusnya mengatakan apabila pendapatannya berlawanan dengan Al-Quran dan Al-Hadith itu hendaklah tinggalkan fahamannya dan peganglah Al-Quran dan Al-Hadith itu – dengan itu maka yang lebih kuat tentu Al-Quran dan Al-Hadith. Tentang pendapatan mereka itu hanya sebagai ijihad dan keyakinan mereka memahamkan kepada Hadith-Hadith yang tersebut dan sebab itulah kerana perselisihan fahaman itu dikatakan masalah ini masalah khilafiyah.

Kita adalah sangat memuji kepada kemuliaan Imam-imam itu tentang membawa dan mengeluarkan fahaman-fahamannya tentang masalah-masalah agama dengan ilmu pengetahuan yang cukup dan luas. Ia membawa aliran fikiran dan fahaman itu dan telah diikuti oleh ramai sedang orang ramai pula tidak mengingati amaran-amaran sebagaimana yang disebutkan di atas dan sebab itulah pada masa yang lampau terjadi perpecahan fahaman itu. Kerana sempit fikiran pengikut-pengikutnya maka banyak terjadi pergaduhan di antara umat Islam dengan kerana fahaman-fahaman itu.

Oleh sebab itu sekarang telah timbul keinsafan di dalam fikiran orang-orang kita. Mereka menjunjung fahaman-fahaman yang telah ditaja oleh Imam-imam itu tetapi kejadian itu kerap kali memesongkan daripada jalan yang lebih tepat dan

yang demikian menghendaki supaya diambil fahaman kepada tujuan yang asal iaitu Al-Quran dan Al-Hadith sebagaimana juga pada zaman kebangkitan Islam yang lampau mereka mengikut cara yang demikian itu juga. Yang demikian itu kita suka bertanya adakah kita melebihi Imam-imam yang empat atau kita akan berpegang kepada sanadnya yang asal iaitu Al-Quran dan Al-Hadith?

-----*-----*-----

Ishaq bin Ismail, Taiping, Perak bertanya: Adakah ditegah kiranya kita tulis ayat Quran itu dengan tulisan yang selain daripada Arab atau pun kita tulis hejaannya mengikut hejaan Melayu?

Jawab: Semenjak daripada Rasulullah (SAW) dan semenjak daripada Al-Quran itu telah diturunkan hingga sekarang Quran itu tidak berubah walau setitik pun dan yang demikian adalah dijaga dengan keras oleh orang-orang Islam sekiranya yang demikian itu diubah atau ditukar dengan lain samada hejaannya atau lainnya maka boleh mengubah makna dan akan merosakkan kehendak Al-Quran itu. Yang demikian adalah sangat ditegah oleh Islam. Perbuatan menukar atau mengubah tulisan-tulisan itu harus akan menjadikan sebagai adanya kitab-kitab agama-agama yang lain seperti agama Kristian di dalam mana tidak ada kitab asalnya yang boleh dipakai iaitu bersalahan dengan Al-Quran dari semenjak diturunkan hingga sekarang tidak ada perubahannya walau setitik pun.

-----*-----*-----

M. Dahuri, Haji Sayuti, Pengkalan Temoh, Perak, bertanya: Ada setengah-setengah orang-orang Islam membela anjing – bagaimana hukumnya?

Pada masa-masa yang tertentu menurut beberapa Hadith sahih riwayat Muslim bahawa Rasulullah menyuruh membunuh anjing. Kemudian ada pula perintah-perintah meluaskan memelihara anjing itu untuk perburuan dan penjaga kambing sebagaimana yang tersebut di bawah ini (maksudnya):

Ibn Maghful telah berkata Rasulullah (SAW) telah pernah menyuruh kami membunuh anjing, kemudian sabdanya: Apa sebab orang itu suka kepada anjing! Kemudian Rasulullah bolehkan anjing buruan dan anjing penjaga kambing. (Hadith sahih riwayat Muslim dan Nasaai).

Satu lagi (maksudnya): Barangsiapa memelihara anjing yang bukan bagi perburuan dan bukan sebagai penjaga binatang ternak dan bukan penjaga bumi maka sesungguhnya berkuranganlah dari ganjaran tiap-tiap hari seberat dua biji saga. (Hadith sahih riwayat Muslim).

Lagi satu: Barangsiapa memelihara anjing yang tidak berguna bagi menjaga tanaman atau binatang peliharaan maka berkuranganlah amalannya setiap hari (seberat) biji saga. (Hadith sahih riwayat Muslim dan Nasaai).

Ada beberapa Hadith sahih lagi berkenaan dengan yang tersebut di atas dan ada pula beberapa Hadith yang memerintahkan membunuh tiap-tiap anjing yang semuanya hitam dan ada pula Hadith yang menuruh membunuh anjing hitam yang mempunyai dua tompok putih di kedua tepi matanya.

Banyak keterangan-keterangan Hadith lagi berkenaan dengan masalah anjing ini dan oleh sebab ruangan ini sempit maka memadailah diterangkan dengan ringkas bahawa:

(1) Diperintahkan membunuh anjing buruan hitam atau hitam terus yang bertanda putih dimukanya. Sebab-sebabnya boleh jadi kerana menakutkan kanak-kanak bahkan kadang-kadang menakutkan orang tua juga.

(2) Kita boleh membela anjing untuk menjaga rumah, sawah lading dan sebagainya dan juga untuk memelihara binatang peliharaan kita seperti ayam, itik, kambing, dan sebagainya.

(3) Boleh kita memelihara anjing untuk menjaga diri kita kerana memburu binatang uatau pencuri perompak dan sebagainya.

(4) Malaikat yang lain daripada penjaga kita dan malaikat maut tidak mahu dan tidak akan masuk ke rumah yang ada anjing.

(5) Bekas anjing itu baik dicuci bersih-bersih: dan

(6) Sekalian macam pemeliharaan itu yang dibolehkan iaitu hendaklah dipelihara di luar rumah dengan mengadakan tempat yang berpisah atau bersendirian – tidak boleh di dalam rumah.

Orang-orang yang memelihara anjing seperti yang dilakukan oleh orang-orang bangsa asing, tidur dengan anjing, makan dengan anjing walau anjing kecil atau besar adalah tidak diluluskan dan ditegah. Mudah mudahan penanya akan berpuas hati dengan sebahagian Hadith yang kita terangkan itu.

-----*-----*-----

Muhammad Yusuf bin Fakeh Mat Kari, Kampung Sungai Jernih, Kelompang, Selangor bertanya: Adakah Nabi Muhammad menjadi Haji atau tidak. Jikalau ada siapa namanya?

Jawab: Dalam masa hayat Rasulullah (SAW) ada beberapa kali mengerjakan umarah dan akhirnya mengerjakan Hajjatul Wida' – Haji yang akhir di mana junjungan kita telah menyampaikan kepada umat Islam dengan khutbahnya yang terkenal dan pada saat itulah ayat yang akhir turun menyatakan bahawa Allah telah menyempurnakan pada hari itu agama Islam yang mulia. Dengan ini nyata bahawa Nabi Muhammad itu telah mengerjakan Haji dan nama Haji itu tidak mesti disebut pada permulaan nama atau pada akhir nama. Lebih lanjut kita syorkan pihak yang bertanya membaca buku Muhammad yang terbitkan oleh Qalam sebanyak empat penggal yang di dalamnya dapat mengetahui dengan jelas riwayat Nabi yang mulia itu.

-----*-----*-----

Usman Hasyim, Kuala Kangsar, Perak bertanya: Apakah sebabnya orang-orang Melayu hendak menghilangkan tulisan Jawi dan digantikan dengan tulisan Rumi?

Jawab: Sebab-sebabnya yang utama menurut pandangan kita ialah disakaan dari jabatan pelajaran yang menaja suatu dasar yang tertentu supaya huruf itu ditukar dengan alasan supaya dapat digunakan oleh bangsa-bangsa lain yang disambungkan kepada cita-cita bagi menyatukan perintah suatu negeri Malaya merdeka. Kerana yang menganjurkannya itu samada tepat atau tidak, daripada pihak kerajaan maka sudah terang ia akan mendapat sokongan

sebahagian besar daripada “orang-orang kita” yang sebahagiannya harus mengikut dengan begitulah sahaja terutamanya pula ada perasaan segan atau tidak berani mengeluarkan perasaan hatinya yang sebenar dengan kerana ada suatu yang kita sama-sama maklum.

Setelah tujuan-tujuan yang dikehendaki oleh kerajaan itu berjalan pada mulanya tidak diketahui, kerana penggemar huruf-huruf Rumi itu memandang hanya dengan huruf Rumi itulah sahaja didapati kemajuan tetapi akhirnya dari satu kesuatu masa telah terserlah tujuan anasir yang berdiri di belakang cita-cita itu iaitu sebagaimana di Singapura pelajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah Melayu itu hanya diajarkan setahun dua sahaja itupun beberapa jam dan seterusnya diajarkan bahasa Inggeris yang mempunyai suatu tujuan yang tertentu sedang yang demikian itupun tidak sempurna yang kesudahannya nanti tinggal terawang-awang sedang guru-gurunya di dalam sekolah-sekolah Melayu itu lebih banyak anak-anak dagang daripada anak-anak Melayu. Di sebalik itu, menurut pandangan kita, langkah-langkah itu dijalankan kerana ada pula suatu anasir yang lain yang mengkehendaki supaya terhapus huruf-huruf itu dengan kerananya dapatlah kelak menjauhkan anak-anak orang Islam itu daripada pengajaran-pengajaran agamanya oleh kerana pengajaran-pengajaran agama itu telah diketahui mereka tidak dapat diracun lagi dengan menggunakan “ulama” disuruh memfatwakan supaya orang-orang Islam itu di dalam pengajarannya itu hanya untuk mati jua.

-----*-----*-----

Yahya bin Sahamin, Teluk Panglima Garang, Kuala Langat, Selangor bertanya: Apakah suatu ikhtiar untuk mencenderungkan hati murid-murid supaya bertambah rajin belajar ke sekolah agama?

Jawab: Kalau kita perhati dengan saksama maka sebab-sebab yang memundur dan kurang menggemarkan murid-murid belajar di sekolah agama itu ialah kerana pelajaran di sekolah-sekolah agama itu kebanyakannya tidak dapat menarik murid-murid cenderung kepadanya – tidak ada tertanam ruh agama yang sebenar dan disebalik itu guru-guru yang mengajar di dalamnya tidak ada mempunyai didikan untuk mengajar sebagaimana yang ada pada sekolah-sekolah bangsa lain – mereka sebelum menjadi guru adalah dilatih di dalam sekolah menjadi guru (Normal Class) beberapa tahun lamanya. Lagi pula kitab-kitab pengajaran agama itu tidak ada perubahan-perubahan cara-caranya dengan lebih sesuai daripada keadaan sekarang.

Juga di antara satu sekolah dengan sekolah yang lain tidak ada persetujuan pengajaran dan tidak ada pula sekolah-sekolah pertengahan bagi menyambung pelajaran itu berkeadaan lebih sempurna.

Daripada jawapan-jawapan yang diatas ini sudah terang bahawa kerajinan murid-murid itu hanya akan didapat apabila pertadbiran-pertadbiran sekolah itu tersusun dan guru-gurunya terdidik. Jalan mencapai kepada jalan-jalan itu maka hendaklah lebih utama mengadakan Normal Class bagi guru-guru agama.

Muhammad Yunus bin Dubah, Ceruk Kemban, Baling, Kedah bertanya: Ada seorang Cina laki isteri hendak masuk Islam. Sebelum masuk Islam isterinya hamil dan setelah masuk Islam ia beranak – apa hukum anaknya itu?

Jawab: Anak itu ialah anak orang Islam. Islam anak itu dapat tertentu apabila ia cukup umur nanti kerana pada masa cukup umur itulah baharu tanggungan-tanggungan Islam itu berjalan di atasnya.

-----*-----*-----

Muhammad Dali bin Bujang, Malay School, Bintulu, Sarawak bertanya: Kebanyakan orang-orang kita lelaki perempuan terutamanya pada hari raya berduyun-duyun datang ziarah ke kubur ahli-ahlinya – setengah-setengah daripada mereka itu mencium nisan si mati sambil berkata-kata minta panjang umur, berdo'a minta murah rezeki kepada nisan itu – apa hukumnya?

Jawab: Ziarah kubur itu adalah sunar bagi lelaki dan perempuan daripada beberapa Hadith sahih riwayat Muslim dan Bukhari. Ziarah ke kubur itu bukanlah bagi meminta kepada ahli-ahli kubur menyampaikan sesuatu hajat atau mengambil berkat dengan ziarah itu. Bukan untuk menabur bunga atau membakar kemenyan di situ dan bukan untuk memasukkan wang ke dalam tabung-tabung buat di makan oleh “perompak atau taukeh-taukeh kubur” dan bukan buat apa-apa yang lain melainkan untuk mendoakan ahli-ahli kubur yang mukmin supaya Allah memberi rahmat dan mengampuni dosa mereka dan untuk mengingatkan kita kepada akhirat supaya dengan itu kita ingat bahawa kita akan sampai ke sana seperti mereka juga – dengan keinsafan yang demikian dapat kita menjauhi kejahatan dan dapat kita mengerjakan perintah-perintah yang baik.

Riwayat tentang Nabi ziarah kubur itu begini:

(Maksudnya) Bahawa Nabi (SAW) apabila pergi (ziarah) ke kubur ia berkata “Assalamualaikum dar kaum muminin wa inna inshaAllah bikum la haqqun” – (Hadith sahih riwayat Muslim). Maksud doa Nabi itu ialah – mudah mudahan disejahterakan Allah atas kamu ahli-ahli kubur yang mukmin dan jika dikehendaki oleh Allah kami akan berjumpa dengan kamu.

Ada juga Nabi mengucap (maksudnya): Selamat sejahtera kepadamu hai ahli kubur dairpada kaum mukmin dan muslimin dan jika dikehendaki oleh Allah kami akan mengikut kamu. Kami meminta kepada Allah keselamatan untuk kami dan untuk kamu. (Hadith Sahih riwayat Ahmad dan Muslim).

Inilah contoh-contoh yang dikehendaki dalam masa ziarah kubur itu di sana bukan tempatnya menjadikan ahli-ahli kubur itu perantara kita untuk meminta suatu apabila kita yakinkan bahawa ia itu perantara dan menjadi persamaan maka tak dapat tiada perbuatan yang demikian itu boleh dipandang menyekutukan Allah – sedang menyekutukan Allah itu suatu perbuatan kafir.